



## **KENYATAAN MEDIA STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, OGOS 2023**

**Bilangan penganggur pada bulan Ogos 2023 terus menurun kepada 577.3 ribu orang, dengan kadar pengangguran 3.4 peratus**

**PUTRAJAYA, 10 Oktober 2023** – Bilangan penganggur pada bulan Ogos 2023 terus menurun kepada 577.3 ribu orang, dengan kadar pengangguran 3.4 peratus, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Ogos 2023**. Statistik ini memperihalkan kedudukan penawaran buruh berdasarkan Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas mengenai prestasi keseluruhan bagi Ogos 2023, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Pasaran buruh kekal stabil pada bulan Ogos 2023 dengan peningkatan berterusan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala bilangan penganggur terus menurun. Dalam hal ini, bilangan tenaga buruh pada bulan Ogos 2023 bertambah baik, dengan peningkatan 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 16.93 juta orang (Julai 2023: 16.91 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh Ogos kekal pada 70.1 peratus seperti pada Julai 2023.”

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa bilangan penduduk bekerja pada bulan Ogos 2023 berada pada trend menaik, dengan peningkatan 0.1 peratus kepada 16.35 juta orang (Julai 2023: 16.34 juta orang). Sebaliknya, bilangan penganggur pada bulan Ogos terus berkurang, dengan penurunan sebanyak 0.3 peratus kepada 577.3 ribu orang (Julai 2023: 579.2 ribu orang). Kadar pengangguran pada bulan tersebut kekal pada 3.4 peratus seperti yang direkodkan pada bulan lalu.

Mengulas lanjut mengenai kedudukan guna tenaga, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa 75.4 peratus daripada jumlah penduduk bekerja adalah dalam kategori pekerja dan kategori ini meningkat sebanyak 0.1 peratus merekodkan 12.32 juta orang (Julai 2023: 12.31 juta orang). Pada masa yang sama, penduduk bekerja sendiri juga mencatatkan kenaikan 0.3 peratus kepada 2.97 juta orang (Julai 2023: 2.96 juta orang).

Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan terus menunjukkan trend menaik, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong & runcit; Perkhidmatan makanan & minuman; dan Pengangkutan dan penyimpanan.

Di samping itu, sektor Pembuatan, Pertanian, Pembinaan serta Perlombongan & pengkuarian turut mencatatkan peningkatan dalam bilangan penduduk bekerja pada bulan tersebut.

Mengulas lebih lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan Ogos, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan, merangkumi 80.0 peratus daripada jumlah penganggur. Kategori ini terus menurun, dengan pengurangan sebanyak 0.6 peratus mencatatkan 462.1 ribu orang (Julai 2023: 464.7 ribu orang). Dalam kalangan penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan meliputi 61.4 peratus, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun mencatatkan 6.2 peratus. Sementara itu, mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif merekodkan peningkatan sebanyak 0.6 peratus kepada 115.2 ribu orang (Julai 2023: 114.5 ribu orang)."

Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun terus menurun sebanyak 0.1 mata peratus pada bulan tersebut kepada 10.8 peratus, mencatatkan bilangan penganggur belia yang lebih rendah iaitu pada 309.2 ribu orang (Julai 2023: 10.9%; 311.2 ribu orang). Dalam pada itu, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 30 tahun kekal pada 6.8 peratus seperti pada bulan sebelumnya, dengan 439.6 ribu penganggur belia (Julai 2023: 6.8%; 444.8 ribu orang).

Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan penduduk di luar tenaga buruh pada Ogos 2023 meningkat sebanyak 0.1 peratus kepada 7.23 juta orang (Julai 2023: 7.23 juta orang). Komposisi terbesar bagi luar tenaga buruh adalah disebabkan oleh kerja rumah/tanggungjawab keluarga dengan 42.9 peratus dan seterusnya, 40.1 peratus adalah disebabkan oleh bersekolah/ latihan.

Mengakhiri kenyataan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Berdasarkan prestasi petunjuk Indeks Pelopor (IP) Malaysia bagi tempoh enam bulan, prospek ekonomi jangka pendek negara dijangka bertambah baik secara sederhana, memandangkan prospek ekonomi global yang tidak menentu. Di samping itu, permintaan domestik yang stabil, peningkatan aktiviti pelancongan, sektor perkhidmatan yang berkembang, dan dasar ekonomi yang menyokong dijangka akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi pada separuh kedua tahun 2023. Justeru, kedudukan pasaran buruh negara dijangka berada dalam pertumbuhan sederhana pada bulan-bulan yang akan datang, mengambil kira cabaran dalam ekonomi."


Data siri masa dan maklumat lanjut mengenai pasaran buruh boleh diperolehi melalui papan pemuka Data Interaktif Pasaran Buruh Malaysia (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.



DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

**Carta 1:** Pengangguran, Malaysia, Ogos 2020 - Ogos 2023



**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 10 Oktober 2023**

**Carta 2: Luar tenaga buruh, Malaysia, Ogos 2020 - Ogos 2023**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
10 OKTOBER 2023**



**MEDIA STATEMENT  
LABOUR FORCE STATISTICS, MALAYSIA,  
AUGUST 2023**

***The number of unemployed in August 2023 declined further to 577.3 thousand persons, with a 3.4 per cent unemployment rate***

**PUTRAJAYA, 10 October 2023 –** The number of unemployed in August 2023 declined further to 577.3 thousand persons, with a 3.4 per cent unemployment rate, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in the release on **Statistics of the Labour Force, Malaysia, August 2023**. The statistics described the labour supply situation based on the Labour Force Survey conducted by DOSM.

Commenting on the overall performance for August 2023, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The labour market continues to remain stable in August 2023 with a continuous increase in the number of employed persons, while the number of unemployed persons continues to decline. In this regard, the number of labour force in August 2023 improved further, with a 0.1 per cent increase month-on-month to 16.93 million persons (July 2023: 16.91 million persons). August’s labour force participation rate stood at 70.1 per cent as of July 2023.

Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated that the number of employed persons in August 2023 was on an increasing trend, with a rise of 0.1 per cent to 16.35 million persons (July 2023: 16.34 million persons). On the contrary, the number of unemployed persons in August continued to decline, with a decrease of 0.3 per cent to 577.3 thousand persons (July 2023: 579.2 thousand persons). The unemployment rate during the month was unchanged at 3.4 per cent as recorded last month.

Commenting further on the employment situation, the Chief Statistician Malaysia stated that 75.4 per cent of the total employed persons were in the employees’ category and this category increased by 0.1 per cent to record 12.32 million persons (July 2023: 12.31 million persons). On the same note, the own-account workers also posted a rise of 0.3 per cent to 2.97 million persons (July 2023: 2.96 million persons).

By economic sector, the number of employed persons in the Services sector continued its upward trend, largely in Wholesale & retail trade; Food & beverage services; and Transportation and storage activities. In addition, the Manufacturing, Agriculture,

*Construction as well as Mining & quarrying sectors also registered increases in the number of employed persons during the month.*

*Elaborating more on the unemployment situation in August, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The actively unemployed, or those who were available for work and were actively seeking jobs, comprised 80.0 per cent of the total unemployed persons. This category is continuing to decline, with a decrease of 0.6 per cent to register 462.1 thousand persons (July 2023: 464.7 thousand persons). Among the actively unemployed, those who were unemployed for less than three months made up 61.4 per cent, while those who had been in long-term unemployment for more than a year constituted 6.2 per cent. Meanwhile, those who believed that there were no jobs available or were inactively unemployed recorded an increase of 0.6 per cent to 115.2 thousand persons (July 2023: 114.5 thousand persons)."*

*The unemployment rate for youth aged 15 to 24 years continued to edge down by 0.1 percentage points during the month to 10.8 per cent, registering a lower number of unemployed youths at 309.2 thousand persons (July 2023: 10.9%; 311.2 thousand persons). In the meantime, the unemployment rate among youth aged 15 to 30 years stood at 6.8 per cent as in the previous month, with 439.6 thousand unemployed youths (July 2023: 6.8%; 444.8 thousand persons).*

*As for the inactivity group, the number of persons outside the labour force in August 2023 increased by 0.1 per cent to 7.23 million persons (July 2023: 7.23 million persons). The largest composition of the outside labour force was due to housework/family responsibilities with 42.9 per cent and subsequently, 40.1 per cent by a reason of schooling/training.*

*Concluding the statement, the Chief Statistician Malaysia said, "Based on the performance of Malaysia's Leading Index (LI) indicators for the six-month period, the country's near-term economic outlook is expected to improve modestly, given the uncertain global economic outlook. In addition, stable domestic demand, improving tourism activities, a thriving services sector, and supportive economic policies are expected to continue to support economic growth in the second half of 2023. Thus, the country's labour market position is anticipated to experience moderate growth in the coming months, considering challenges in the economy."*


*Series data and more information on the labour market can be obtained through the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) dashboard. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.*




DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

**Chart 1: Unemployment, Malaysia, August 2020 - August 2023**



**Chart 2: Outside labour force, Malaysia, August 2020 - August 2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**10 OCTOBER 2023**